

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]
TARIKH : 15 JUN 2015
SOALAN :

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian ada merangka pelan tindakan bagi memperbesarkan hospital di Machang dan menambah kelengkapan yang sedia ada kerana Hospital Kuala Krai dan Tanah Merah terkepung akibat banjir dan hospital yang berhampiran adalah Machang.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Machang merupakan hospital tanpa pakar yang menerima lawatan pakar-pakar perubatan pelbagai disiplin secara berkala dari hospital berpakar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhampiran. Pesakit yang memerlukan rawatan lanjut akan dirujuk sama ada ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) Kota Bharu, Hospital Kuala Krai, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian atau Hospital Tanah Merah. Pada masa ini, KKM belum ada perancangan untuk menempatkan pakar residen di Hospital Machang.

Dalam tahun 2013 dan 2014, Hospital Machang telah menerima RM690 ribu bagi menaiktaraf peralatan perubatan (aset) sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sememangnya mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Hospital Machang yang akan disenaraikan sebagai projek keutamaan bagi Negeri Kelantan di dalam RMK-11. Antara perkhidmatan yang diperlukan bagi penambahbaikan adalah:-

- Dewan Bedah;
- Unit Bekalan Steril Berpusat;
- *High Dependency Ward*;
- Rawatan Harian; dan
- Fisioterapi, Carakerja dan Sosial Perubatan;

Seterusnya apabila kerja di atas siap, penilaian akan keperluan penambahbaikan yang berterusan akan dijalankan dan dilaksanakan bagi memastikan fasiliti hospital ini dapat menampung peningkatan keperluan perkhidmatan semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 15 JUN 2015
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA
[KETEREH]**

SOALAN :-

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah
sebenarnya konsep 'Youth City' seperti yang telah diumumkan dalam Bajet
2015 dan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakannya di
Kelantan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama-sama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta Kementerian Belia dan Sukan (KBS) merupakan peneraju inisiatif *1Malaysia Youth Cities* dalam program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Tujuan inisiatif ini adalah untuk membangunkan *Youth City* (Bandar Belia) yang memberi keutamaan kepada empat perkara berikut:

- i. Memenuhi keperluan dan gaya hidup golongan belia;
- ii. Memastikan penyediaan perumahan mampu milik;
- iii. Menjana peluang pekerjaan; dan
- iv. Penglibatan sektor swasta.

Konsep *Youth City* seperti yang telah diumumkan dalam Bajet 2015 akan memberi penekanan kepada empat keutamaan tersebut melalui penyediaan pelbagai kemudahan khususnya untuk golongan belia yang pada masa ini dalam kumpulan umur 15 hingga 40 tahun. Bagaimanapun *1Malaysia Youth Cities* bukanlah terhad untuk golongan belia sahaja tetapi merupakan pembangunan yang inklusif, bandar yang mesra belia, bersifat muda (*youthful*) dan *vibrant*.

Pendekatan yang digunakan bukanlah membangunkan bandar baharu tetapi lebih kepada menggunakan infrastruktur bandar sedia ada serta menaiktaraf di mana yang perlu sahaja. *1Malaysia Youth Cities* akan menyediakan peluang kepada belia untuk berinteraksi, terlibat dalam bidang keusahawanan, meningkatkan kemahiran dan kreativiti, bersukan dan riadah.

Dalam ucapan Bajet 2015 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan Kerajaan akan membangunkan tiga projek perintis *1Malaysia Youth Cities* iaitu setiap satu di Semenanjung, Negeri Sabah, dan Negeri Sarawak. Bagaimanapun berdasarkan keputusan *NBOS Summit* pada 18 Disember 2014 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana

Menteri, Tanjong Malim, Perak dan Putrajaya Sentral, Putrajaya telah dipersetujui sebagai dua projek perintis untuk pembangunan *1Malaysia Youth Cities* di Semenanjung. Tanjong Malim dipilih untuk pembangunan jangka panjang sementara Putrajaya Sentral sebagai *Youth District* bagi pembangunan jangka pendek. Lokasi projek perintis di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak masih di peringkat pengenalpastian oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

Pembangunan *1Malaysia Youth Cities* pada masa ini masih diberi tumpuan kepada di lokasi projek perintis terlebih dahulu untuk dilaksanakan. Di masa hadapan, Kerajaan sememangnya berhasrat untuk melaksanakan program ini di negeri-negeri lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]

TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN : 43

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan penumpang yang menggunakan KLIA2 sejak pembukaannya serta penumpang yang menggunakan KLIA serta langkah yang diambil bagi mengelakkan persaingan antara kedua-dua lapangan terbang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak pembukaan KLIA2 pada Mei 2014, seramai 22.0 juta penumpang telah menggunakan terminal tersebut manakala seramai 22.11 juta penumpang telah menggunakan terminal KLIA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terminal KLIA dan KLIA2 adalah dua terminal yang beroperasi di lapangan terbang yang sama iaitu KLIA. KLIA dan KLIA2 adalah saling melengkapi (*complement*) antara satu sama lain dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara kepada penumpang.

Pada ketika ini, Syarikat Penerbangan Perkhidmatan Penuh sememangnya beroperasi di terminal KLIA, manakala Syarikat Perkhidmatan Tambang Murah pula beroperasi di terminal KLIA2. Secara dasar, Kerajaan tiada halangan untuk kedua-dua syarikat penerbangan beroperasi di mana-mana terminal. Walau bagaimanapun ianya adalah tertakluk kepada kapasiti yang sedia ada di terminal-terminal tersebut. Justeru, tidak timbul isu persaingan di antara kedua-dua terminal tersebut. Dalam pada itu, sistem-sistem di KLIA dan KLIA2 juga telah direkabentuk untuk melengkapi (*complement*) di antara satu sama lain.